Dasar dan Perkembangan

- Dasar dan Langkah-langkah Untuk Mengukuhkan Industri
- Perkara-perkara Berkaitan

Dasar dan Perkembangan

Dasar dan Langkah-langkah untuk Mengukuhkan Industri

Pelan Induk Sektor Kewangan
Pada 1 Mac 2001, BNM telah melancarkan Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) yang menggariskan halatuju sistem kewangan negara bagi tempoh 10 tahun akan datang serta merangka strategi-strategi khusus demi membina sebuah sistem kewangan yang efektif, efisien dan berdaya tahan. PISK merangkumi satu bab khusus untuk perbankan Islam dan takaful yang menggariskan saranan-saranan untuk sektor perbankan Islam dan industri takaful. Secara keseluruhannya, ia bermatlamat untuk membangunkan satu sistem kewangan Islam yang efisien, progresif dan lengkap serta menyumbang kepada kecekapan dan keberkesanan sektor kewangan Malaysia demi memenuhi keperluan ekonomi negara.

Industri takaful khususnya akan berkembang seiring dengan insurans konvensional dan mensasarkan penguasaan sehingga 20% daripada juzuk pasaran keseluruhan industri insurans menjelang tahun 2010. Pada tahun 2010, lanskap industri takaful dijangka akan diwakili oleh sebilangan pengendali takaful yang kukuh dan bermodal besar serta menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang lengkap, berlandaskan rangka kerja Syariah dan sistem kawalselia yang komprehensif, disokong oleh segolongan individu dan kumpulan pengurusan yang terlatih, berkaliber dan memiliki kemahiran yang diperlukan. Yang paling utama, kejayaan dalam menjadikan elemen-elemen tersebut sebagai satu kenyataan akan memaparkan Malaysia sebagai peneraju perkhidmatan kewangan serantau dalam bidang takaful.

Pengendali Takaful Baru
Berasaskan saranan-saranan yang terkandung dalam PISK, bilangan pengendali takaful sedia ada berkemungkinan tidak memadai untuk meningkatkan tahap penembusan pasaran industri takaful. Bagi memacu pertumbuhan perniagaan takaful dan meransang persaingan pasaran dari segi penetapan harga, pembangunan produk, perkhidmatan pelanggan dan kecekapan operasi, BNM merancang untuk mengeluarkan lesen baru perniagaan takaful kepada pemohon yang layak. Ini adalah bagi memenuhi salah satu daripada strategi utama yang termaktub di dalam PISK. Sebagai satu dasar BNM memilih pendekatan untuk mengeluarkan hanya lesen baru perniagaan takaful, manakala pemasaran produk takaful di kaunter penanggung insurans konvensional tidak akan dibenarkan.Pada bulan Julai 2001, Menteri Kewangan telah meluluskan pengeluaran satu lesen takaful yang baru kepada sebuah kumpulan perbankan dan pengendali takaful ketiga ini dijangka beroperasi sepenuhnya menjelang pertengahan tahun 2002.

Sistem Statistik Pengendali Takaful
BNM kini dalam peringkat terakhir membangunkan sistem pengemukaan statistik secara talian terus bagi perniagaan takaful keluarga dan takaful am. Selain daripada menggantikan penyerahan laporan statistik secara manual, sistem ini akan membolehkan pengendali takaful mengemukakan laporan mereka dalam format yang seragam yang akan membolehkan BNM menganalisa dengan lebih baik apabila membuat perbandingan dan ketepatan maklumat.

Minggu Perbankan Islam dan dan Takaful
Sebagai salah satu inisiatif dalam menyebarluaskan pengetahuan mengenai perbankan Islam dan takaful, BNM telah menganjurkan Minggu Perbankan Islam dan Takaful (MPIT) pada 26 Oktober hingga 2 November 2001. Objektif MPIT adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai perbankan Islam dan takaful serta produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang terdapat di institusi-institusi kewangan. Pengendali takaful telah menyertai minggu tersebut dengan menganjurkan pelbagai program seperti forum, seminar, penerbitan rencana dan pembukaan kaunter awam di seluruh negara.

Biro Pengantaraan Insurans
Dalam usaha untuk meningkatkan tahap jaminan perlindungan pengguna serta

tataurusan yang lebih adil di antara pengendali takaful dan pemunya sijil takaful, Biro Pengantaraan Insurans (BPI) perlulah turut meluaskan skop perkhidmatan pengantaraannya bagi merangkumi industri takaful. Sejajar dengan itu, BPI telah meluluskan resolusi khas pada bulan Januari 2001 untuk meminda Memorandum dan Tatacara Persatuan mereka bagi membolehkan pengendali takaful menganggotai BPI dan seterusnya memasukkan rujukan berkenaan aduan, pertikaian dan tuntutan yang timbul daripada perniagaan takaful keluarga dan takaful am kepada BPI. Berikutan daripada pindaan tersebut juga, keanggotaan Majlis BPI telah bertambah kepada enam orang, yang mana salah seorang daripada anggotanya adalah terdiri daripada pakar Syariah sebagai pengantara yang dicalonkan oleh BNM.

Perkembangan dan Langkah-langkah yang Diambil oleh Industri Takaful

Pengendali takaful meneruskan usaha dalam membangunkan dan menggalakkan perniagaan takaful di sepanjang tahun kajian. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh pengendali takaful dalam tahun 2001 adalah seperti berikut: -

- **Peluasan Rangkaian Pengagihan**
  Pengendali takaful telah mengadakan program latihan yang berterusan untuk warga kakitangan dan wakil mereka ke arah meningkatkan tahap profesionalisme dalam melaksanakan tanggungjawab mereka bagi memasarkan produk takaful secara berkesan. Satu pengendali takaful telah merangka satu modul latihan yang akan dikelolakan oleh Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IPKIM) khusus untuk pegawai pemasaran produk takaful keluarga. Selain daripada pembukaan cawangan-cawangan baru, pengendali takaful turut memasarkan produk mereka di tempat-tempat awam seperti kompleks perniagaan dengan membuka kaunter-kaunter takaful sementara. Satu pengendali takaful pula telah mengadakan kerjasama dengan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (BKRM) untuk memasarkan produk takaful amnya melalui rangkaian cawangan BKRM di seluruh negara.

- **Perkhidmatan yang Efisien**
  Satu pengendali takaful telah menyertai satu konsortium penanggung-penanggung insurans yang bekerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam satu projek perintis untuk membangunkan satu sistem pengeluaran nota lindung takaful kenderaan secara elektronik. Dengan sistem ini, maklumat bagi setiap sijil takaful kenderaan yang dikeluarkan oleh pengendali takaful akan dihantar secara elektronik terus kepada JPJ untuk urusan memperbaharui cukai jalan kenderaan. Sistem tersebut, yang bakal dilaksanakan dalam sedikit masa lagi dijangka mampu mengatasi secara lebih berkesan masalah nota lindung kenderaan palsu yang telah sekian lama dialami oleh JPJ. Pada bulan Julai 2001, pengendali takaful mengambil inisiatif untuk menerimapakai Prosedur Pelanggaran Berantai (Chain Collision Procedure) yang diperkenalkan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM). Dengan inisiatif tersebut, kerjasama di antara pengendali takaful dan penanggung insurans konvensional dapat dipertingkatkan dalam menyegerakan proses mengendalikan tuntutan takaful kenderaan memandangkan prosedur ini adalah berasaskan konsep tanpa liabiliti.

Pengendali takaful telah disarankan untuk menubuhkan sebuah persatuan pengendali takaful sebagai wadah rasmi bagi memudahkan dialog dan perbincangan di antara BNM dan pihak industri. Persatuan tersebut yang bakal ditubuhkan dalam tahun 2002 adalah penting memandangkan bilangan pengendali takaful dijangka bertambah dalam tahun-tahun akan datang. Dalam usaha untuk menggalakkan penyeliaan-kendiri yang lebih baik serta meningkatkan tahap profesionalisme, ejen-ejen takaful daripada satu pengendali takaful telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan persatuan ejen takaful. Objektif utama penubuhan persatuan ini adalah untuk menjaga kepentingan dan kebajikan anggota-anggotanya, menyediakan latihan dan motivasi serta kemahiran yang perlu dalam usaha untuk meningkatkan penglibatan masyarakat dalam industri takaful.

IPKIM memainkan peranan utama dalam meningkatkan tahap kesedaran dan perkembangan industri takaful di Malaysia. Pada bulan Jun 2001, IPKIM dengan kerjasama Kumpulan Takaful ASEAN (KTA) telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa Mengenai Takaful (International Summit on Takaful) di Kuala Lumpur. Antara objektif sidang tersebut adalah untuk meningkatkan kefahaman terhadap perniagaan takaful dan berkongsi pengalaman dengan pengendali takaful di seluruh dunia, serta membincangkan isu-isu Syariah dan isu-isu yang berkaitan bagi mengukuhkan lagi perniagaan takaful. Dalam tahun kajian, Institut Insurans Malaysia turut melengkapkan peranan IPKIM dengan menawarkan beberapa program latihan profesional dan teknikal untuk kakitangan dan wakil pengendali takaful, seperti Sijil Amalan Insurans dan Peperiksaan Pra-Kontrak untuk Ejen Insurans.

Perkara-perkara Berkaitan

Kerjasama Serantau

Persidangan Tahunan KTA yang Ketujuh telah berlangsung pada 17-18 Oktober 2001 di Brunei Darussalam dan dianjurkan bersama oleh syarikat Insurans Islam TAIB Sendirian Berhad dan Takaful IBB Berhad. KTA telah ditubuhkan pada tahun 1996 dengan objektif utamanya untuk memupuk dan meningkatkan persefahaman dan kerjasama di kalangan pengendali takaful dan pengendali takaful semula di kalangan negara-negara anggota ASEAN. Antara perkara yang dibincangkan di dalam persidangan tersebut termasuklah penubuhan pusat latihan sumber manusia dan pembangunan profesional dalam KTA dan perkembangan terkini industri takaful di Brunei Darussalam. Mesyuarat juga telah menerima keanggotaan Best Re, sebuah penanggung insurans semula dari Tunisia (yang turut terlibat dalam perniagaan takaful semula) sebagai anggota bersekutu KTA. Persidangan tahunan tersebut telah dihadiri oleh pengendali-pengendali takaful serantau dan institusi-institusi kewangan yang berpusat di Labuan, termasuklah broker dan penanggung insurans semula yang mempunyai kepentingan dalam industri takaful.

Kerjasama Antarabangsa

Satu pengendali takaful Malaysia dan IPKIM telah memberi bantuan teknikal dan sokongan kepada pelbagai pihak dalam usaha mereka untuk menggalakkan perniagaan takaful di rantau ini dan di peringkat antarabangsa. Antara pihak yang telah menerima bantuan tersebut adalah dua pengendali takaful di Bangladesh yang telah ditubuhkan pada tahun 2001. Dalam aspek latihan, satu Bengkel Mengenai Aspek Etika dan Operasi Insurans Islam dan Insurans Semula telah dianjurkan oleh IPKIM di Dhaka pada bulan November 2001 dengan kerjasama Akademi Insurans Bangladesh. Program-program antarabangsa dianjurkan dengan objektif untuk memperkenal dan menggalakkan industri takaful di seluruh dunia serta sebagai wadah perbincangan isu-isu sejagat mengenai takaful dan takaful semula. Satu pengendali takaful melibatkan diri secara aktif dalam satu projek untuk membangunkan piawaian perakaunan bagi operasi takaful dengan kerjasama Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions - AAOIFI).

Dalam merealisasikan objektif untuk menjadikan ASEAN Retakaful International (L) Limited (ARIL) sebagai pengendali takaful semula yang berwibawa dan kukuh, khususnya untuk negara-negara anggota D-8 dan OIC, ARIL terus mengadakan beberapa siri lawatan kerja ke beberapa buah negara di Timur Tengah untuk untuk meninjau peluang-peluang baru bagi mendapatkan perniagaan takaful semula. ARIL telah membina hubungan baik dengan pengendali-pengendali takaful yang baru ditubuhkan dan telah menerima maklumbalas yang menggalakkan dari segi sokongan takaful semula daripada mereka. ARIL juga telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi meningkatkan modal berbayarnya kepada USD15 juta dengan menawarkan kepada negara-negara anggota D-8 untuk menjadi pemegang saham. Usaha ini dijangka dapat direalisasikan pada tahun 2002.